

Syor aktiviti, projek perlu cekap, ekonomi dan berkesan

KUALA LUMPUR - Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 2 mendapati kementerian, jabatan dan syarikat kerajaan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan aktiviti dan projek masing-masing.

Namun, laporan itu mengesan beberapa kelemahan dari segi pelaksanaan yang perlu ditangani segera bagi memastikan aktiviti dan projek dapat dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan serta mencapai objektif ditetapkan.

"Berdasarkan pengauditan yang dijalankan, kelemahan dalam pelaksanaan program berpunca daripada kurang pemantauan dan penyeliaan oleh pihak dipertanggungjawabkan, kurang kepakaran teknikal dan bergantung sepenuhnya kepada perunding serta kontraktor, ketiadaan penyelarasan antara agensi terlibat serta masalah dalaman yang dihadapi kontraktor.

"Kelemahan itu menyebabkan program atau projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan,

kualiti kerja tidak memuaskan, kos projek meningkat dan kerajaan tidak mendapat nilai faedah terbaik bagi perbelanjaan yang dibuat," menurut laporan itu.

Justeru, Jabatan Audit Negara membentangkan beberapa syor bagi mengelak kelemahan itu daripada berulang termasuk kajian terperinci perlu dijalankan terlebih dahulu terhadap sesuatu projek kerajaan sebelum diluluskan pelaksanaannya.

Perancangan bersepadu di antara

agensi terlibat juga perlu dilakukan di peringkat awal pelaksanaan projek terutamanya projek besar supaya semua kemudahan asas dapat disediakan dan kelancaran projek tidak terjejas.

Laporan itu menyatakan kementerian, jabatan dan agensi juga perlu mematuhi garis pengurusan nilai Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi projek bernilai lebih RM50 juta.

"Aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan terhadap projek, program

dan aktiviti hendaklah dipertingkatkan untuk memastikan projek, program dan aktiviti dapat dilaksanakan mengikut jadual, syarat-syarat kontrak dan spesifikasi kontrak serta tidak berlaku pembaziran dan mencapai impak yang dirancang," kata laporan itu.

Selain itu, ketua perkhidmatan, pegawai pengawal atau ketua jabatan hendaklah menubuhkan jawatankuasa siasatan terhadap isu-isu yang ada unsur penyelewengan, pembaziran dan pemborosan.